

AKADEMIK

SEMINAR ISU-ISU DALAM PSIKOLOGI SOSIAL

Oleh : Cik. Mazni Mustapha, Pensyarah program Belia dan Komuniti



Barisan AJK Penganjur Seminar, Pensyarah dan Penceramah Jemputan



Suasana peserta seminar

Pada 26 Mei 2013, Seminar Isu-isu dalam Psikologi Sosial yang bertemakan "Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah berjaya dianjurkan oleh pelajar-pelajar tahun 3 program Pembangunan Belia dan Komuniti. Dalam seminar berkenaan, Cik Melissa Sabrina Aripin, dari Sabah Women's Action-Resources Group (SAWO) telah

menyampaikan ceramah yang menyentuh mengenai isu-isu keadilan dalam sesebuah keluarga. Menurut beliau, kes kepincangan dalam sesebuah keluarga berlaku apabila tiada 'reciprocality' dalam tugas-tugas menguruskan keluarga.

Sistem patriaki yang diamalkan dalam budaya masyarakat kita secara umumnya dikaitkan dengan ketidakadilan yang berlaku keatas ahli-ahli keluarga, khususnya kepada kaum wanita. Justeru, beliau menyeru golongan lelaki untuk lebih bersifat terbuka dan membuat persediaan mental untuk memainkan peranan yang lebih bersifat non-tradisional apabila berumahtangga nanti. Pendeknya, peranan non-tradisional atau androgenus ini tidak akan mengurangkan feminiti pada wanita dan maskuliniti pada lelaki, malahan memberikan ruang untuk individu itu menyedari potensi diri yang terselindung selama ini. Sifat 'sama-sama membangunkan diri' ini menjadi titik tolak penting dalam menjaga keharmonian hubungan kekeluargaan.